

HAK ASASI MANUSIA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Oleh: Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang
Negara Brunei Darussalam

PENDAHULUAN

Istilah hak asasi manusia mula diperkenalkan di England pada tahun 1215M dan seterusnya dikembangkan di Negara Eropah melalui Revolusi Prancis pada tahun 1789M.¹ Istilah tersebut dikembangkan dengan lebih jelas dan luas serta dideklarasikan di bawah deklarasi antarabangsa mengenai hak-hak asasi manusia pada 1948M.² Walaubagaimanapun dalam Islam, prinsip menjaga kebajikan dan hak setiap manusia ini sudah sebatik sebatu sejak sekian lama dengan meletakkan darjat manusia sebagai makhluk terhormat yang mesti diberi keutamaan dan dipelihara tanpa sebarang diskriminasi. Ini adalah selaras dengan prinsip Islam sebagai satu jalan hidup yang *syumul* serta menjamin kesejahteraan setiap individu dan masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan mencakupi hal peribadi, sosial, jenayah, kewangan dan pentadbiran negara.

Kepesatan penyebaran maklumat dalam era globalisasi ketika ini menyaksikan pelbagai pergerakan hak asasi manusia mendapat liputan yang meluas di seluruh dunia dan tidak ketinggalan di rantau kita ini. Media-media massa kerap menyajikan berita mengenai pergerakan sama ada secara perseorangan atau melalui pertubuhan yang memperjuangkan hak-hak kebebasan. Pergerakan-pergerakan ini mengecam penindasan terhadap hak asasi manusia dan mendesak agar setiap individu diberikan hak untuk bebas membuat pilihan tanpa terikat kepada sebarang sekatan. Fahaman mengenai hak-hak asasi manusia pada

¹ Sejarah awal hak asasi manusia dikesan bermula dengan kelahiran piagam *Magna Carta* atau *English Charter* pada tahun 1215 dan kemudiannya dikukuhkan dengan kelahiran *Bills of Rights*. Hak asasi manusia semakin berkembang dengan berlakunya transformasi sosial politik yang dimulai di Perancis sehingga merebak ke Negara-negara Eropah yang lain. Lihat: https://id.wikipedia.org/wiki/Revolusi_Perancis, https://id.wikipedia.org/wiki/Deklarasi_Hak_Asasi_Manusia_dan_Warga_Negara, https://en.wikipedia.org/wiki/Magna_Carta. Terdapat juga pendapat yang menyatakan sejarah hak asasi manusia bermula dari tamadun Greek melalui perbincangan falsafah yang diterajui oleh Aristotle dan Plato. Lihat: Marcel A. Boisard, *Humanism in Islam*, hlm. 5.

² Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat digubal setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua dan diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 10hb Disember 1948. Lihat: <http://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/>.

hari ini walaubagaimanapun sebahagiannya tersasar dari landasan Islam kerana dipengaruhi oleh falsafah dan dasar humanisme yang dipelopori oleh Barat.³

Falsafah humanisme merupakan dasar yang mengagungkan keistimewaan martabat manusia bagi tujuan mengembangkan kemajuan dan kesejahteraan manusia dari segi kebendaan dan keduniaan tanpa bergantung kepada kepercayaan ketuhanan.⁴ Menurut latarbelakang ideologi ini, perjuangan hak-hak asasi manusia lahir akibat dari pencabulan hak-hak manusia akibat dari penindasan bangsawan ke atas golongan rendah, peperangan dan himpitan konflik. Keadaan ini mendorong kebangkitan reformasi bagi menuntut pengiktirafan hak-hak kebebasan secara mutlak tanpa sebarang bentuk campur tangan atau sekatan keagamaan.⁵

Walaupun pergerakan hak asasi manusia asalnya adalah memperjuangkan kebebasan dalam bentuk kesaksamaan bagi setiap individu dan masyarakat, tetapi mutakhir ini kebebasan-kebebasan yang dituntut semakin beragam termasuk memperjuangkan kesetaraan hak antara lelaki dan perempuan, kebebasan bersuara, kebebasan kepercayaan dan kebebasan kemahuan. Dalam kerancangan mempromosi hak asasi manusia ini, terdapat masyarakat Islam sendiri yang seakan-akan terlupa atau sengaja melupakan batasan yang telah dihadkan oleh agama sehingga mengabaikan peraturan yang telah ditetapkan dalam Islam.

Kertas ini cuba untuk menghuraikan konsep hak asasi manusia dari perspektif Islam serta meninjau perbezaan di antara hak dan kebebasan serta perkaitan di antara hak dan tanggungjawab. Beberapa persoalan hak asasi manusia dalam Islam yang selalu dianggap *incompatible* dengan hak asasi manusia sejagat turut dibincangkan bagi menjelaskan perspektif Islam dalam menangani isu-isu sedemikian.

³Dasar hak asasi manusia yang difahami pada zaman ini jauh tersasar dari landasan Islam yang memelihara kesejahteraan manusia dengan berpaksikan kepada ajaran Al-Quran dan Sunnah. Memetik kata-kata Ann Elizabeth Mayer, "It was these Western traditions of individualism, humanism and rationalism and on legal principle protecting individual rights, that the 20th century international law on human rights ultimately rested. Because of this linkage to individualism, humanism and rationalism, a rejection of these values would make it difficult to accept human rights." Lihat: Ann Elizabeth Mayer, *Islam and Human Rights*, hlm. 40.

⁴ Menurut Collins Concise Dictionary 'humanisme' bermaksud 'rejection of religion in favour of the advancement of humanity by its own efforts.' Little Oxford Dictionary pula memberikan makna kepada 'humanisme' sebagai 'a non-religious philosophy, based on liberal human values.'

⁵ Kasule Umar Ahmad, *Contemporary Muslims and Human Rights Discourse: A Critical Assessment*, hlm.4.

HAK DAN KEBEBASAN

Dewasa ini, perjuangan menuntut hak dan kebebasan dicanang secara berleluasa dengan berlindung di sebalik tabir hak asasi manusia. Pemakaian istilah-istilah 'hak' dan 'kebebasan' yang digunakan secara meluas pada masa ini banyak dipengaruhi oleh fahaman Barat yang menganggap keduanya saling berkait sehingga menimbulkan kecelaruan pemikiran di kalangan umat Islam seluruh dunia. Barat percaya bahawa setiap manusia dilahirkan lengkap dengan hak-hak asasi dan manusia mempunyai hak untuk bebas membuat pilihan sendiri dalam melaksanakan hak-hak asasi tersebut tanpa sebarang sekatan.⁶

Menurut Kamus Dewan, perkataan 'hak' diberikan makna 'kebenaran', 'kuasa' atau 'kepunyaan'. Frasa 'hak asasi' dimaknakan sebagai 'hak yang dasar atau pokok' seperti hak bebas mengeluarkan pendapat, menganuti suatu agama, bergerak dan lain-lain.⁷ 'Kebebasan' pula dimaknakan sebagai perihal (keadaan) bebas; manakala perkataan 'bebas' ditafsirkan sebagai 'tidak terhalang (untuk bergerak, bercakap dan lain-lain)', 'tidak terkongkong', 'lepas daripada kewajiban (tuntutan, ketakutan, cukai, hukuman dan lain-lain' atau 'merdeka'.⁸

Menurut fahaman hak asasi manusia yang dibina berdasarkan falsafah humanisme dan liberalism, manusia adalah pemilik hak atas dasar keistimewaan dan kehormatan manusia itu sendiri. Sebagai pemilik hak, manusia mempunyai kuasa mutlak untuk bebas menentukan mana-mana perkara yang bermanfaat kepada mereka tanpa terikat dengan ajaran atau batasan agama. Kebahagiaan dan peningkatan potensi serta perkembangan seseorang individu akan tercapai melalui pengiktirafan dan perlindungan ke atas hak-hak asasi seseorang individu tersebut.

⁶ Menurut John Locke, seorang pengasas falsafah liberalisme, "*men by nature are all free, equal and independent; no one can be put out of this estate and subjected to the political power of another without his own consent.*" Seperti dipetik dalam penulisan Kasule Umar Ahmad, *Contemporary Muslims and Human Rights Discourse: A Critical Assessment*, hlm. 2.

⁷ Kamus Dewan, Edisi Keempat, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

⁸ *Ibid.*

Dalam perspektif Islam, istilah 'hak' berasal dari perkataan arab 'haqq'. Dari segi bahasa, istilah 'haqq' bermaksud sesuatu perkara yang sabit, yang benar, yang tetap atau yang tidak boleh dipertikai. Lawan bagi haqq ialah batil. 'Haqq' juga bermaksud pemilikan atau manfaat.⁹ Menurut ulama' usul, 'haqq' ditakrifkan sebagai suatu perbuatan yang tertakluk padanya perintah syara'.

Ulama' membahagikan haqq kepada dua iaitu haqq Allah dan haqq hamba. Al-Shatibi mentafsirkan haqq Allah sebagai haqq Allah untuk disembah dan untuk ditaati segala perintah dan laranganNya, manakala haqq hamba ialah apa-apa perkara yang membawa kepada kebajikan manusia.¹⁰

Ulama' kontemporari memberikan pelbagai definisi haqq. Al-Zarqa mentafsirkan haqq sebagai hubungan yang eksklusif, dalam bentuk kuasa atau tanggungjawab, yang ditetapkan oleh syara'. Al-Durayni mentafsirkan haqq sebagai suatu hubungan yang mana melalui syara' menetapkan kuasa atau mendesak suatu pelaksanaan tanggungjawab yang ditujukan kepada suatu pihak yang lain bagi maksud mencapai manfaat yang tertentu.¹¹

Wahbah al-Zuhaili membincangkan hak dalam bentuk hak Allah dan hak manusia. Menurut beliau, hak manusia ialah himpunan beberapa hak semulajadi yang dimiliki oleh seseorang yang sangat berkait rapat dengan kewujudan fitrahnya, yang diperakukan secara alami walaupun belum diiktiraf atau yang dicerobohi oleh mana-mana kuasa.¹² Hak semulajadi ini dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala kepada hambaNya dan bukanlah hasil ciptaan manusia yang dibuat melalui apa-apa deklarasasi atau pengisytiharan. Hak manusia dalam menggunakan kuasanya atau melaksanakan tanggungjawabnya adalah dibatasi oleh syara' dan diharuskan selagi mana tidak bertentangan dengan akidah, akhlak dan syariat.

Manakala istilah 'bebas' atau disebut sebagai 'al-hurru' di dalam bahasa arab bermaksud lawan kepada hamba atau seorang yang mulia. Menurut Hashim Kamali, istilah 'al-hurr'

⁹ Terdapat 287 penggunaan 'haqq' di dalam Al-Quran, yang membawa maksud yang pelbagai. Menurut konteks ayat, 'haqq' boleh membawa maksud tanggungjawab atau kepentingan. Lihat: Mohammad Tahir Haji Mohammad, *Rights and Duties in Shari'ah and Common Law*, hlm.65.

¹⁰ Mohammad Tahir Haji Mohammad, *Rights and Duties in Shari'ah and Common Law*, hlm .69.

¹¹ *Ibid.*

¹² Wahbah al-Zuhayl, *Haq al-Hurriyyah fi al-'Alam*, Damsyiq: Dar al-Fikr.

atau 'al-hurriyah' jarang dibincangkan oleh ulama' terdahulu, manakala penggunaannya dalam penulisan moden merujuk kepada keupayaan seseorang untuk bertindak atau tidak bertindak menurut cara yang tertentu tanpa melanggar hak orang lain atau batasan yang ditetapkan oleh syara'.¹³ Kebebasan ini juga termasuk kebebasan untuk melindungi diri sendiri daripada apa-apa bentuk pelanggaran hak.¹⁴

Justeru, berdasarkan perbincangan di atas jelas bahawa kedudukan hak dan kebebasan dalam Islam bukanlah suatu yang mutlak. Hak dan kebebasan dilandasi atas suatu perkara yang benar dan tidak mengandungi atau menjurus kepada kebatilan. Syara' dijadikan kayu pengukur yang menetapkan batasan tertentu ke atas hak atau kebebasan untuk memastikannya tidak bercanggah dengan akidah, akhlak dan syariat yang dianjurkan oleh Islam.

Di sinilah titik perbezaan di antara hak asasi manusia dalam Islam dengan fahaman hak asasi manusia yang dipopularkan di Barat yang lebih mengutamakan mencapai matlamat peribadi berdasarkan kemahuan dan kehendak masing-masing atas dasar kebebasan. Dalam Islam, seluruh manusia adalah umat sejagat yang lahir dari sumber yang sama dan mempunyai martabat kehormatan yang sama. Justeru, hak asasi adalah sama dimiliki oleh semua manusia merentasi sempadan negara dan relevan untuk diaplikasikan sepanjang zaman. Walaubagaimanapun, setiap manusia juga dikenakan batasan yang sama sebagaimana yang ditentukan dalam syara'.

ASAS PEMBERIAN HAK DALAM ISLAM

Pemberian hak asasi terhadap manusia menurut perspektif Islam adalah berdasarkan kepada kedudukan dan peranan manusia itu diciptakan sebagai khalifah Allah di atas

¹³ Tafsiran *hurriya* oleh Mahmassani yang dipetik oleh Muhammad Hashim Kamali, *Freedom, Equality and Justice in Islam*, hlm. 12.

¹⁴ Abdul Karim Zaydan mentafsirkan '*personal freedom*' sebagai '*the individual's freedom of movement and the freedom to protect himself against aggression on his personal security including unlawful arrest, prosecution and imprisonment.*' Lihat: Muhammad Hashim Kamali, *Freedom, Equality and Justice in Islam*, hlm. 12.

mukabumi bagi tujuan memakmurkannya serta menegakkan hukum-hakam syariah di dalam perundangannya sepertimana firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksudnya: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat-malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang Khalifah di bumi (iaitu Nabi Adam 'alaihissalam)." ¹⁵

Tanggungjawab manusia sebagai khalifah memerlukan mereka dilengkapi dengan kelebihan dalam bentuk hak dan kuasa untuk menentukan jalan hidup mereka. Menurut konsep hak asasi dalam Islam, manusia diberikan hak dan kuasa oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan setentunya Allah Subhanahu Wa Ta'ala sahajalah yang berkuasa untuk menetapkan batasan ke atas hak-hak tersebut melalui perintah dan laranganNya. Kelebihan-kelebihan yang telah dikurniakan Allah kepada manusia dari segi kuasa serta potensinya di dalam membangun kesejahteraan ummah telah dijelaskan di dalam Al-Quran:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Maksudnya: "Dan demi sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam (manusia) dan Kami telah mengangkut mereka (di dalam pelbagai kenderaan) di darat dan di laut dan Kami telah mengurniakan mereka rezeki yang baik serta Kami telah melebihkan mereka atas kebanyakan makhluk yang Kami telah ciptakan dengan kelebihan yang sempurna."¹⁶

Manusia semua diciptakan sama rata tanpa membezakan darjat, warna kulit, tempat kelahiran mahupun keturunan sama ada lelaki atau perempuan. Manusia dilahirkan dari sumber yang sama dan mempunyai fitrah yang sama. Semua individu mempunyai hak yang sama rata ke atas kehidupan dan semua perkara-perkara yang berkait dengan kelangsungan dan keberjayaan hidup. Untuk itu, Islam mengiktiraf hak-hak semua individu tanpa sebarang diskriminasi dan tanpa dipengaruhi oleh sebarang faktor perkauman mahupun kewarganegaraan. Perbezaan martabat manusia di sisi Allah Subhanahu Wa Ta'ala hanyalah dalam tingkatan ketaqwaannya, firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

¹⁵ Surah al-Baqarah: ayat 30.

¹⁶ Surah al-Isra: ayat 70.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ
اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: *“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan pulak supaya kamu berkenalan-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.”*¹⁷

Imam al-Qurtubi mentafsirkan taqwa dalam ayat di atas sebagai memelihara hukum-hukum Allah, perintah dan laranganNya, memiliki sifat dengan yang diperintahkan Allah untuk bersifat dengannya dan menjauhi dari apa yang dilarangnya. Konsep taqwa inilah yang menjadi ukuran yang membataskan kuasa manusia dalam menggunakan hak-hak yang dianugerahkan kepadanya. Manusia diberikan hak dan kuasa setakatmana tidak bertentangan dengan tujuan penciptaannya iaitu untuk mengabdikan diri kepada Pencipta.¹⁸ Semua perintah dan larangan Allah Subhanahu Wa Ta’ala adalah untuk kebaikan manusia dan menjaga kehormatan manusia semata-mata.¹⁹

Pemberian hak asasi manusia dalam Islam bertitik tolak dari keyakinan ini, iaitu keyakinan bahawa manusia mendapat penghormatan Allah kerana tugas kekhalfahan yang sentiasa berhubung erat dengan tanggungjawab, ketaatan atau ubudiyah kepada Allah. Oleh itu, apabila manusia bertindak menderhaka, kufur dan menjauhi tuntutan berkenaan maka anugerah untuk mendapatkan haknya akan terjejas dan musnah serta jauh dari kebenaran.

Konsep ini berbeza dengan perspektif hak asasi barat yang menganggap hak tersebut adalah hak tabi’e yang melekat pada diri manusia dan terbit dari konsep kedaulatan manusia yang mutlak. Manusia pada pandangan mereka akan tetap memiliki hak tabi’e

¹⁷ Surah al-Hujurat: ayat 13.

¹⁸ Allah Subhanahu Wa Ta’ala berfirman dalam surah al-Zaariyat, ayat 56 yang bermaksud “Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku.”

¹⁹ Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam adalah diutus untuk mengajak manusia agar mengesakan Allah Subhanahu Wa Ta’ala dan untuk memperbaiki akhlak manusia. Baginda bersabda yang bermaksud: *“Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang baik.”* Dengan yang demikian, setiap batasan yang telah ditetapkan dalam Al-Quran mahupun hadith tidak lain adalah bertujuan untuk menjaga kehormatan diri manusia sebagai makhluk yang paling mulia diciptakan di muka bumi. Pelanggaran batasan ini menyebabkan manusia terjerumus ke dalam jurang kebatilan.

tersebut walaupun ianya menyimpang jauh dengan melakukan keganasan atau kejahatan serta melanggar aspek moral, akhlak, fizikal atau yang berkaitan dengannya.

HAK DAN TANGGUNGJAWAB

Hak manusia di dalam Islam ditetapkan dalam tiga bentuk hak iaitu hak al-daruriyyat (keperluan manusia), hak al-hajjiyyat (kepentingan manusia), serta hak at-tahsiniyyat (keselesaan manusia). Dalam merealisasikan tuntutan hak al-daruriyyat ini terdapat lima bentuk pemeliharaan yang telah digariskan dalam Islam sebagai *maqasid syariah* iaitu (i) penjagaan agama, (ii) penjagaan nyawa, (iii) penjagaan keturunan, (iv) penjagaan harta, dan (v) penjagaan akal. Bagi memelihara hak-hak keperluan manusia ini, beberapa undang-undang telah ditetapkan oleh pemerintah untuk menghukum perbuatan sesiapa yang melanggar hak-hak yang mengancam keperluan, kepentingan serta keselesaan manusia.

Islam menjamin hak seseorang individu dengan memberikan kuasa kepada pemerintah untuk menyediakan sistem pentadbiran negara yang harmoni dari aspek pentadbiran sosial, ekonomi, politik dan juga jenayah. Semua penduduk yang bernaung di bawah pemerintahan ini wajib mematuhi semua undang undang yang ditetapkan. Demikian juga, semua individu adalah bertanggungjawab untuk menghormati hak-hak orang lain. Islam menekankan konsep "*la dharar wa la dhirar*" di mana semua orang bertanggungjawab untuk tidak membuat sesuatu perkara yang boleh mendatangkan mudharat sama ada kepada dirinya lebih lebih lagi jika mudharat tersebut menyebabkan kerosakan kepada masyarakat umum.

Ini adalah selaras dengan kaedah bahawa kepentingan umum itu adalah lebih utama untuk dijaga daripada menjaga kepentingan dan hak peribadi jika sekiranya terdapat pertembungan antara keduanya. Dalam melaksanakan hak seseorang individu, terdapat hak dan kepentingan orang lain yang harus dihormati. Islam menganjurkan perpaduan di kalangan masyarakat dengan menanamkan semangat *ukhuwah* sesama mereka, Allah berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”*²⁰

Islam menyeru agar manusia sentiasa berkasih sayang dan memelihara kepentingan saudaranya sebagaimana mereka memelihara kepentingannya sendiri. Dasar menjaga ikatan persaudaraan, hormat-menghormati dan mengutamakan kepentingan umum adalah penting bagi mengelakkan pertelingkahan yang berkemungkinan boleh mengakibatkan kerosakan yang lebih besar dalam masyarakat. Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda:

«لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ»

Maksudnya: *“Tidaklah seseorang dari kamu sempurna imannya, sehingga dia mencintai untuk saudaranya sesuatu yang dia cintai untuk dirinya”.*²¹

HAK-HAK ASASI DALAM ISLAM

Islam adalah agama sejagat dan ia adalah wahyu Allah yang terakhir yang diturunkan kepada manusia melalui Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam. Ajaran Islam mampu memenuhi semua aspek keperluan manusia sama ada yang melibatkan hubungannya dengan Allah Subhanahu Wat’ala atau sesama manusia dan juga negara. Ia adalah peraturan hidup yang lengkap mengandungi ajaran yang syumul dan sesuai untuk setiap masa dan semua tempat.

Konsep hak asasi manusia dalam Islam telah diserapkan dalam ajarannya sejak wujudnya Islam pada lebih 14 kurun yang lalu iaitu apabila wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam yang memerintahkan untuk membaca dan menuntut ilmu pengetahuan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata’ala:

²⁰ Surah al-Hujuraat: ayat 10.

²¹ Riwayat Bukhari dan Muslim.

﴿٢﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾

﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

Maksudnya: "Bacalah (wahai Nabi Muhammad) dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). (1) Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku. (2) Bacalah, dan Tuhanmu Maha Pemurah. (3) Yang mengajar (manusia menulis) dengan qalam (pena). (4) Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya. (5)."²²

Ayat ini adalah sebagai bukti bahawa agama Islam telah menterjemahkan konsep hak asasi manusia melalui apa yang dinamakan pada masa ini sebagai "hak untuk pendidikan". Adalah menjadi kewajipan bagi sesebuah negara Islam untuk memberikan hak pendidikan kepada semua rakyatnya bermula dari zaman kanak-kanak tanpa sebarang diskriminasi. Ayat ini juga menjelaskan kepada kita bahawa penghormatan bagi mendapatkan hak tersebut tidak terbatas kepada pihak-pihak tertentu akan tetapi ianya adalah untuk seluruh manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit.

Prinsip hak asasi manusia ini juga dapat dilihat melalui sebuah riwayat di mana Baginda berdiri apabila perarakan pengebumian jenazah sedang lalu di hadapannya.

مَرَّ بِنَا جَنَازَةً، فَقَامَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفُئِمْنَا بِهِ، فُغَلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهَا جَنَازَةٌ يَهُودِيٌّ، قَالَ: «إِذَا رَأَيْتُمُ الْجَنَازَةَ، فَفُؤِمُوا»

Seorang lelaki berkata kepadanya: "Pemuda yang mati itu adalah seorang Yahudi." Baginda berkata, "Bukankah dia seorang manusia?" Lelaki itu berkata, "Ya." Kemudian Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wasallam berkata: "Setiap manusia dalam Islam mempunyai tempat dan maruah (yang perlu dihormati)."²³

Di samping itu hak asasi manusia dari perspektif Islam adalah hak yang diberikan oleh Allah Subhananahu Wata'ala dan oleh itu tiada sesiapa pun yang boleh menghalang hak-hak tersebut sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, mencabulinya atau mengabaikannya. Islam menjamin perlindungan ke atas nyawa, keturunan, harta, kehormatan dan akal seseorang individu, dan melarang melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan ketidakadilan terhadap hak-hak tersebut.

²² Surah al-'Alaq: ayat 1-5.

²³ Malik Ibn Anas, al-Muwatta, hlm 114; Hadis Riwayat Bukhari.

Konsep penjagaan hak asasi manusia ini juga telah diterapkan oleh Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wasallam ketika berhijrah ke Madinah. Sebagai seorang pemimpin politik masyarakat yang terdiri daripada orang Islam dan juga orang bukan Islam, khususnya orang-orang Yahudi, Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wasallam telah menggubal Perlembagaan Madinah yang meletakkan beberapa prinsip-prinsip hak asasi manusia, termasuk antara lain kebebasan kepercayaan, hak ke atas harta dan hak untuk hidup.²⁴

Sebagai agama wahyu yang terakhir, Islam telah meletakkan prinsip-prinsip hak asasi manusia dalam bentuk yang paling komprehensif dan skop yang paling luas. Ulama'-ulama' Islam telah membincangkan hak-hak asasi dalam Islam yang antara lain seperti berikut:

1. Hak menjaga nyawa.

Allah Subhanahu Wa Taala telah menciptakan manusia dengan sebaik baik ciptaan dan telah meniupkan ruh ke dalam jasad bagi memulakan satu kehidupan. Nikmat nyawa yang dikurniakan oleh Allah adalah suci dan bukan sesuatu yang sia-sia. Islam menitikberatkan kewajipan untuk menghormati hak manusia untuk meneruskan kehidupan dan memberikan penjagaan yang sempurna ke atas nyawa. Untuk itu, Islam meletakkan pemeliharaan hak asasi manusia itu sebagai satu keutamaan sehingga Islam memberikan perumpamaan yang amat jelas bahawa pemeliharaan ke atas satu nyawa itu adalah sepertimana menjaga keseluruhan kehidupan umat manusia, manakala kebinasaan yang berlaku akibat dari suatu pembunuhan yang dibuat tanpa hak adalah seumpama menggugat ketenteraman dan kesejahteraan seluruh umat manusia. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِنْهُمْ بَعَدَ ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ

Maksudnya: "Oleh sebab itu Kami tetapkan (suatu hukum) ke atas Bani Israel bahawa sesiapa yang membunuh seseorang (dengan sengaja) bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain, atau kerana melakukan kerosakan di muka bumi maka sesungguhnya dia seolah-olah membunuh manusia seluruhnya. Dan sesiapa yang memelihara kehidupan seseorang maka dia seolah-olah telah memelihara

²⁴ Bukhari, muka surat 156, 188.

kehidupan manusia seluruhnya. Dan sesungguhnya telah datang kepada manusia rasul-rasul Kami dengan membawa keterangan yang jelas, (tetapi) kemudian kebanyakan antara mereka sesudah itu sungguh-sungguh melampaui batas (melakukan kerusakan) di muka bumi.”²⁵

Dalam khutbah hajjatul wida’, Baginda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda:

« فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ بَيْنَكُمْ حَرَامٌ كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا ... »

Maksudnya: *“Wahai manusia! Darah dan harta dan kehormatan kamu mesti dihormati seperti kehormatan hari kamu ini (hari Arafah) dan kehormatan bulan kamu ini (bulan haram Zulhijjah)...”²⁶*

Dari ayat-ayat tersebut di atas, Allah Subhanahu Wa Ta’ala lebih mensasarkan kaedah selain daripada meletakkan hukuman iaitu dengan memberikan peringatan ke atas akibat dari penganiayaan beserta balasan yang bakal diterima oleh pesalah selaras dengan perumpamaan bahawa mencegah itu adalah lebih baik dari mengubati. Peringatan tersebut adalah bertujuan supaya manusia lebih berhati-hati dan mengambil pengajaran daripadanya supaya manusia itu tidak keluar dari garispanduan yang telah ditetapkan. Allah Subhanahu Wa Ta’ala juga berfirman:

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِدًا فَجَزَاءُ جَهَنَّمَ خَالِدًا فِيهَا وَعَصَبَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَلَعْنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا

Maksudnya: *“Dan sesiapa yang membunuh seorang yang beriman dengan sengaja maka balasannya ialah neraka Jahanam, dia kekal di dalamnya. Allah murka kepadanya dan melaknatnya serta menyediakan baginya azab besar.”²⁷*

Di samping itu, sebagai langkah terakhir bagi menjamin hak memelihara nyawa tersebut, Islam juga menetapkan kaedah lain iaitu melalui pensyariatian *qisas* bagi menghukum sesiapa yang membunuh atau mendatangkan kecederaan kepada seseorang jika ianya telah berlaku. Allah Subhanahu Wa Ta’ala berfirman:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

²⁵ Surah al-Ma’idah: ayat 32.

²⁶ Sunan Tarmizi.

²⁷ Surah an-Nisa: ayat 93.

Maksudnya: “Dan bagi kamu dalam hukuman *qisas* itu ada jaminan hidup wahai orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya) supaya kamu bertaqwa.”²⁸

Islam mensyariatkan *qisas* dengan mengenakan hukuman mati ke atas pelaku *qatlul ‘amd* atau hukuman balas balik ke atas orang yang sabit melakukan kecederaan. Hukuman ini dikenakan bagi menjaga keselamatan masyarakat umum daripada berlaku pencerobohan ke atas hak mereka untuk hidup dengan aman. Pada masa yang sama, Islam turut menjaga kepentingan individu dengan memberikan pilihan ke atas seorang mangsa atau ahli warisnya sama ada untuk melaksanakan *qisas* atau mengampunkan pesalah.

Jika waris mangsa memilih untuk mengampunkan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan *qisas*, waris mangsa dalam kesalahan bunuh boleh menuntut *diyat* atau mangsa dalam kesalahan kecederaan boleh menuntut *arsy*. Kedua-dua *diyat* dan *arsy* ini adalah sebagai ganti rugi dan menjadi hak milik mangsa atau waris mangsa dan bukan Pemerintah. Pengampunan walaubagaimanapun tidak secara langsung membebaskan pesalah kerana mahkamah tetap mempunyai kuasa untuk mengenakan hukuman lain yang sesuai dengan melihat kepada fakta dan keadaan suatu kes. Berdasarkan kuasa ini, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman penjara ke atas pembunuh yang telah diampunkan tersebut dan dengan yang demikian, keselamatan masyarakat amnya akan tetap terjamin.

Justeru, di samping menjamin hak keselamatan masyarakat, undang-undang keadilan jenayah syariah turut menjamin keadilan kepada mangsa atau warisnya dalam bentuk kewangan yang mana mungkin menjadi keperluan yang mendesak disebabkan hilangnya seorang bapa atau suami yang selama ini menjadi *breadwinner* yang menyara perbelanjaan keluarga atau hilangnya anggota badan seseorang sehingga menyulitkannya untuk bekerja bagi menampung biaya kehidupannya.

2. Hak beragama.

Islam menjamin kebebasan setiap individu untuk menganut dan mengamalkan agama mengikut kepercayaan masing-masing. Orang bukan Islam bebas untuk melaksanakan

²⁸ Surah al-Baqarah: ayat 179.

upacara dan kegiatan agama mereka tertakluk kepada pematuhan undang-undang tempatan. Malahan, tiada sebarang tekanan boleh dikenakan ke atas orang bukan Islam untuk meninggalkan agama mereka dan dipaksa untuk memeluk Islam. Toleransi beragama ini jelas melalui firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam ayat-ayat berikut:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۚ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ

Maksudnya: "Tidak ada paksaan dalam (memeluk) agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran daripada kesesatan."²⁹

أَفَأَنْتَ تُكْرِهُ النَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ

Maksudnya: "Maka patutkah pula engkau memaksa manusia supaya mereka menjadi orang yang beriman?"³⁰

وَقُلِ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ ۚ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيُكْفُرْ ۚ

Maksudnya: "Dan katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Kebenaran itu adalah daripada Tuhan kamu maka sesiapa yang mahu (beriman) hendaklah dia beriman dan sesiapa yang mahu (kafir) biarlah dia kafir."³¹

Namun, terdapat segelintir pandangan yang menyatakan bahawa Islam tidak mengiktiraf kebebasan beragama dan menuntut orang Islam untuk memerangi orang bukan Islam. Hakikatnya, kewajiban kita sebagai umat Islam adalah untuk menyampaikan agama Allah dengan hikmah melalui dakwah dan nasihat. Jika usaha dakwah dan penyebaran kefahaman Islam tersebut menarik orang bukan Islam untuk memeluk Islam, ianya berlaku secara sukarela dan menurut pilihan mereka sendiri tanpa paksaan.

Hak orang bukan Islam untuk beragama dan hak-hak asasinya yang lain juga turut diiktiraf tanpa membezakan antara orang Islam dan orang bukan Islam. Orang bukan Islam diberi hak yang sama rata ke atas penjagaan nyawa dan harta serta untuk melibatkan diri dalam kehidupan bermasyarakat termasuk hak-hak pendidikan, pekerjaan dan sebagainya. Berdasarkan hak beragamanya itu juga, orang bukan Islam tidak terikat untuk tunduk kepada peraturan-peraturan yang hanya mengawal orang Islam sebagai contoh larangan

²⁹ Surah al-Baqarah: ayat 256.

³⁰ Surah Yunus: ayat 99.

³¹ Surah al-Kahfi: ayat 29.

yang berkaitan dengan permakanaan halal dan perkara-perkara peribadi yang melibatkan urusan perkahwinan dan hal-ehwal kekeluargaan.

3. Hak kepada harta.

Islam mengiktiraf hak semua manusia untuk memiliki harta sesuai dengan apa yang mereka masing-masing usahakan. Islam tidak membezakan hak pemilikan harta di antara seorang lelaki dan perempuan. Hak pemilikan ini adalah termasuk hak untuk menggunakan harta dan manfaat-manfaatnya serta hak untuk menyerahkan dan melupuskan harta mengikut kehendak masing-masing tertakluk dengan batasan syariat. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ ۗ لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا ۗ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبْنَ ۗ وَاسْأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain. (Kerana) bagi lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi perempuan (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan mohonlah kepada Allah sebahagian dari kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”*³²

Jaminan bagi penjagaan harta dalam Islam dikukuhkan dengan larangan ke atas sesiapa pun daripada melakukan sebarang pencerobohan terhadap harta orang lain sehingga boleh menyebabkan kerosakan atau kehilangannya. Islam mengesahkan keras perbuatan menyalahgunakan harta seseorang dengan cara batil melalui firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ ۗ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Maksudnya *“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil (seperti makan riba, merampas, menipu dan berjudi), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu. Dan*

³² Surah an-Nisa': ayat 32.

*janganlah kamu membunuh diri kamu sendiri (atau membunuh orang lain). Sesungguhnya Allah Maha Pengasih terhadap kamu.*³³

Sebagai balasan ke atas pencerobohan terhadap harta, Allah Subhanahu Wa Ta'ala mensyariatkan hukuman *hadd* potong tangan bagi kesalahan *sariqah* dalam firmanNya:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: "Adapun orang laki-laki dan perempuan yang mencuri maka (hukumannya) potonglah (pergelangan) tangan (kanan) mereka sebagai balasan terhadap apa yang mereka telah lakukan dan sebagai seksaan daripada Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."³⁴

Sebahagian ulama' mengkategorikan kesalahan *sariqah* sebagai gabungan di antara hak Allah dan hak hamba.³⁵ Hukuman potong tangan yang ditetapkan sebagai *hadd* adalah hak Allah kerana kepentingan menjaga harta adalah kewajipan semua manusia. Hak ke atas harta ini juga adalah merupakan hak-hak individu di mana setiap individu berhak untuk menuntut pengembalian harta yang dicuri atau pembayaran ganti rugi atau pampasan ke atas kerosakan atau kehilangan harta bendanya.

4. Hak kepada keadilan.

Dari sudut keadilan, Islam menganggap semua manusia sebagai tidak bersalah melainkan dibuktikan sebaliknya. Tiada sesiapa pun boleh ditarik hak kebebasannya melainkan melalui proses kehakiman yang adil dan saksama. Penahanan atau pengurungan seseorang yang disyaki bersalah hendaklah dibuat atas alasan yang sah dan menurut peraturan yang telah ditetapkan oleh Pemerintah. Seorang yang disyaki bersalah mempunyai hak untuk dibela dan hendaklah tidak dikenakan sebarang bentuk kekerasan atau ugutan untuk mendapatkan pengakuan. Proses menegakkan keadilan hendaklah dibuat menerusi saluran yang betul dan kita turut dituntut untuk menjadi saksi yang adil. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

³³ Surah an-Nisa': ayat 29.

³⁴ Surah al-Ma'idah ayat 38.

³⁵ Wahbah al-Zuhayli, *Haq al-Hurriyyah fi al-'Alam*, Damsyiq: Dar al-Fikr.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ ۚ
 إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىَٰ أَنْ تَعْدِلُوا ۚ وَإِنْ تَلَوُّوا أَوْ نَعَرَضُوا فَلَا
 إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu yang benar-benar penegak keadilan (serta) menjadi saksi kerana Allah walaupun terhadap diri kamu sendiri atau ibubapa dan kaum kerabat kamu. Jika dia (yang diberikan kesaksian itu) kaya ataupun miskin maka Allah lebih mengetahui hal kedua-duanya. Oleh itu, janganlah kamu menurut hawa nafsu kerana ingin menyimpang daripada keadilan. Dan jika kamu memutarbelitkan keterangan atau enggan menjadi saksi maka sesungguhnya Allah adalah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”³⁶

Hukuman *hadd* dalam bentuk hukuman potong tangan, hukuman mati dan rejam seringkali dikritik sebagai hukuman yang kejam dan kuno dan tidak sesuai dilaksanakan dalam zaman moden ini. Hukuman-hukuman ini dianggap sebagai satu bentuk penyiksaan yang melanggar hak asasi manusia. Dalam konteks undang-undang antarabangsa, pelaksanaan hukuman ini dikatakan bertentangan dengan pebagai deklarasi hak asasi dan mana-mana negara yang melaksanakan hukuman sedemikian dituduh sebagai tidak mematuhi komitmen dalam menghormati undang-undang yang telah disepakati atas semangat perpaduan dan setiakawan sesama negara.

Hakikatnya, hukuman-hukuman ini adalah berbentuk pencegahan dan perlaksanaannya adalah dibuat berdasarkan *due process of law* melalui sistem pentadbiran jenayah syariah yang mengamalkan prinsip-prinsip keadilan sepertimana yang berjalan dalam sistem pentadbiran sivil. Hak-hak seorang tertuduh untuk didengar, haknya untuk dianggap tidak bersalah melainkan dibuktikan dan haknya kepada perbicaraan yang adil dipelihara dalam sistem keadilan jenayah syariah. Malahan terdapat beberapa perkara di mana sistem keadilan jenayah syariah adalah lebih ke depan dalam menjaga kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam suatu prosiding jenayah, sama ada tertuduh, mangsa mahupun waris mangsa itu sendiri.

³⁶ Surah an-Nisa': ayat 135.

Dari aspek pembuktian misalnya, kesalahan-kesalahan *hadd* dan *qisas* dikehendaki untuk dibuktikan sehingga tahap yakin yang mana adalah merupakan tahap pembuktian yang paling tertinggi mengatasi tahap *beyond reasonable doubt* yang diamalkan di mahkamah sivil. Di samping disiplin pembuktian yang tinggi bagi menerima suatu bukti dalam bentuk pengakuan bersalah, Islam turut mengenakan syarat-syarat yang ketat bagi menilai kredibiliti seorang saksi yang boleh diterima kesaksiannya sebagai keterangan bagi tujuan pensabitan kesalahan *hadd dan qisas*. Islam percaya bahawa keadilan seorang saksi adalah mustahak untuk mencapai keadilan terhadap tertuduh dan juga mangsa yang terlibat.

Selain dari keadilan jenayah, skop keadilan dalam Islam adalah luas bermaksud meletakkan sesuatu di tempatnya. Dalam konteks hubungan masyarakat dengan pemerintah, keadilan akan tercapai apabila semua pihak yang terlibat melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan amanah. Pihak yang memegang tampuk pemerintahan mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan prasarana, peluang-peluang pekerjaan dan sebarang kemudahan untuk kegunaan orang ramai. Masyarakat mempunyai hak untuk bersuara bagi menuntut keadilan jika berlaku penindasan terhadap hak mereka disebabkan oleh penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan pemerintah. Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wassalam bersabda:

« كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ... »

Maksudnya: "Setiap kalian adalah pemimpin, yang bertanggungjawab terhadap yang dipimpinnya. Seorang penguasa yang memimpin manusia (rakyat) adalah pemimpin, dan dia bertanggungjawab terhadap mereka..."³⁷

Keadilan bukan sahaja harus wujud dalam perseimbangan di antara hak dan tanggungjawab antara rakyat dan pemerintah, malahan keadilan harus ditegakkan bermula dari unit masyarakat yang paling kecil iaitu dalam sistem keluarga, iaitu hak di antara ibubapa terhadap anaknya atau hak seorang suami terhadap isterinya dan sebaliknya. Sebagaimana seorang ibubapa bertanggungjawab untuk memberikan hak-hak kepada seorang anak, prinsip keadilan dalam Islam seterusnya menuntut seorang anak

³⁷ Hadis Riwayat Bukhari, No. 2554

menunaikan tanggungjawab menjaga ibubapanya di usia lanjut serta menyempurnakan urusan kematiannya sebagaimana sabda Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wassalam yang bermaksud:

*"Sesungguhnya bagi jasad kamu ke atas kamu ada hak dan sesungguhnya bagi anak kamu ke atas kamu ada hak"*³⁸

Begitu juga seorang suami bertanggungjawab memberi nafkah kepada isterinya dan seorang isteri bertanggungjawab memelihara keperluan dan maruah suaminya. Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wassalam bersabda:

«وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا...»

*"Orang lelaki adalah penjaga ke atas ahli keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap mereka dan perempuan penjaga ke atas rumahtangga dan anak-anaknya dan dia bertanggungjawab terhadap mereka..."*³⁹

5. Hak kepada pendidikan.

Pendidikan adalah menjadi asas dalam membentuk seorang individu yang berilmu dan berjati diri sehingga dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat. Kepentingan ilmu sangat dititikberatkan dalam Islam dan banyak ayat-ayat Al-Quran dan hadith yang menyeru manusia untuk menuntut ilmu. Ayat-ayat ini ditujukan secara umum kepada semua golongan manusia tanpa membezakan sama ada lelaki atau perempuan. Justeru, sebagaimana hak-hak manusia yang lain, hak untuk mendapatkan pendidikan adalah hak semua individu secara sama-rata tanpa prejudis. Islam memuliakan martabat manusia yang berilmu, Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

...يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: "...Nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan."⁴⁰

³⁸ Hadis Riwayat Muslim

³⁹ Hadis Riwayat Bukhari

⁴⁰ Surah al-Mujadalah: ayat 11.

6. Hak kepada kesaksamaan.

Islam mengiktiraf hak semua manusia tanpa mengira jantina, warna kulit atau bangsa sekalipun. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

«لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَى عَجَمِيٍّ، وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَى عَرَبِيٍّ، وَلَا لِأَسْوَدَ عَلَى أَبْيَضَ، وَلَا لِأَبْيَضَ عَلَى أَسْوَدَ إِلَّا بِالتَّقْوَى. النَّاسُ مِنْ آدَمَ وَآدَمُ مِنْ تُرَابٍ»

Maksudnya: "Tidak ada kelebihan bagi orang Arab atas orang bukan Arab, dan tidak pula ada kelebihan bagi orang bukan Arab atas orang Arab, tidak juga ada kelebihan orang yang berkulit putih atas orang berkulit hitam, dan tidak pula orang berkulit hitam atas orang berkulit putih melainkan ketaqwaan kepada Allah sebab sesungguhnya kamu semua adalah anak Adam dan Adam dijadikan daripada tanah liat."⁴¹

Menerusi prinsip hak kepada kesaksamaan ini, seorang perempuan terpelihara hak-haknya dengan mendapat pengiktirafan yang sama sebagaimana hak yang dimiliki oleh lelaki. Seorang wanita mempunyai hak yang sama rata untuk mendapatkan pendidikan, pekerjaan, memiliki harta atau hak untuk mengeluarkan pendapat dan sebagainya. Kelebihan lelaki hanyalah pada kedudukannya sebagai suami kepada isterinya. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

وَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَ بِالْمَعْرُوفِ ۗ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: "Dan bagi isteri-isteri itu ada hak yang seimbang dengan kewajipan yang mereka tanggung (terhadap suami) dengan cara yang berpatutan. Dan bagi suami-suami itu mempunyai satu darjat kelebihan atas isteri-isteri mereka. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."⁴²

Walaupun, di sebalik hak yang diberikan kepada lelaki dan wanita secara sama rata dari segi peluang pendidikan dan dalam sektor pekerjaan, terdapat beberapa kritikan yang dilontarkan oleh pejuang feminisme yang menganggap bahawa Islam tidak memberikan hak kesaksamaan kepada wanita. Antaranya, gerakan feminisme ini menuntut wanita diberikan persamaan dalam hak perwarisan dan diberikan nilai dan timbangan

⁴¹ Al-Baihaqi, Jilid 2, ms. 166.

⁴² Surah al-Baqarah: ayat 228.

kesaksian yang sama seperti nilai keterangan saksi lelaki. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ ۗ

Maksudnya: "Allah memerintahkan kamu dalam hal (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu. Bahagian untuk seorang anak laki-laki menyamai bahagian dua orang anak perempuan."⁴³

Hakikatnya, Islam membuat pembahagian harta pusaka dengan mengambil kira kedudukan seorang lelaki yang melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang ketua keluarga untuk menanggung perbelanjaan keluarganya. Manakala seorang perempuan pula adalah menjadi tanggungan kepada suaminya. Islam amat menuntut pelaksanaan tanggungjawab sehingga jurang di antara hak ini dapat diseimbangkan sebaiknya. Di samping itu, Islam turut mensyariatkan kaedah-kaedah penyerahan harta melalui prinsip *hibah* dan wasiat yang mana dapat diaplikasikan mengikut hasrat pemberi harta tanpa membezakan kedudukan jantina penerima.

Demikian juga, kesaksian wanita hanya tidak diterima untuk membuktikan kesalahan *hadd* atau *qisas* tetapi boleh membuktikan kesalahan selain *hadd* dan *qisas*. Penolakan kesaksian wanita ini setentunya mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Antara hikmahnya ialah untuk memelihara maruah dan kehormatan seorang wanita. Ini kerana proses *tazkiyyah syuhud* atau pemeriksaan yang dijalankan untuk menilai kredibiliti seseorang saksi '*adil* bagi kesalahan *hadd* atau *qisas* berkemungkinan membongkar keaiban dan kelemahan sehingga boleh mencemarkan reputasi seseorang. Justeru, suatu perkara yang dilihat sebagai kekurangan adalah sebenarnya memberikan kelebihan bagi perempuan itu sendiri.

7. Hak kepada kebebasan bersuara.

Islam mengajar penganutnya untuk sentiasa mengamalkan sifat tolong-menolong dan pemedulian sesama anggota masyarakat sehingga dapat sama-sama mengembangkan potensi semua lapisan masyarakat untuk mencapai kemakmuran. Sesuai dengan maksud ini, setiap individu diberikan hak untuk bebas mengeluarkan pendapat dan

⁴³ Surah an-Nisa: ayat 11.

mengekspresikan kemahuan masing-masing. Islam mengiktiraf hak seorang manusia untuk diberi peluang menyuarakan pendapat masing-masing. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

Maksudnya: *Dan (juga bagi) orang-orang yang mentaati perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang, dan urusan mereka diputuskan dengan bermesyuarat sesama mereka dan mereka membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami telah kurniakan kepada mereka.*⁴⁴

Hak kepada kebebasan bersuara merupakan kesinambungan kepada hak untuk mengekspresikan sebarang pendapat atau kehendak menurut kemahuan masing-masing. Hak ini sudah semestinya hendaklah dilaksanakan sesuai dengan batasan yang digariskan oleh syariat Islam. Mana-mana maklumat yang disuarakan hendaklah tidak mengandungi penipuan, penyembunyian fakta atau apa-apa elemen yang boleh mengakibatkan kontroversi yang sengaja direkacipta bagi mencapai maksud yang batil, terutamanya jika merosakkan nama baik seseorang. Justeru, Islam melarang perbuatan *qazaf*; membuat suatu tuduhan *zina* tanpa mendatangkan bukti bagi menyokong kebenarannya. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

وَالَّذِينَ يَزُمُونَ الْمُوْحَصَّنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya: *"Dan orang-orang yang menuduh perempuan (yang merdeka) yang menjaga kehormatannya (dengan tuduhan zina) kemudian mereka tidak mendatangkan empat orang saksi maka sebatlah mereka itu lapan puluh kali sebatan dan janganlah kamu terima kesaksian mereka selama-lamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasiq."*⁴⁵

Di samping peranan individu, pihak media merupakan platform yang penting dalam penyebaran dan perkongsian maklumat. Media memikul tanggungjawab untuk menyampaikan maklumat yang telus dan dipercayai termasuk mengenai sebarang agenda atau aspirasi kerajaan yang boleh mencorakkan pembangunan dan kestabilan sesebuah negara sama ada dalam aspek sosial, ekonomi mahupun politik. Tidak terkecuali juga,

⁴⁴ Surah asy-Syura: ayat 38.

⁴⁵ Surah an-Nur: ayat 4.

media menjadi wadah yang boleh disalahguna dalam menjaga kepentingan sesetengah pihak.

Justeru, semua pihak perlu bijak untuk menilai dan memainkan peranan masing-masing dalam memastikan kebebasan bersuara ini tidak digunakan untuk mencapai matlamat yang bertentangan dengan agama. Hak untuk mengeluarkan pendapat ini juga seharusnya dilaksanakan dengan menghormati pandangan orang lain dan tidak memaksa orang lain untuk akur menerima satu-satu pendapat. Islam mengajar penganutnya untuk sentiasa berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran atau perkara-perkara yang keji. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman mengenai konsep *amar ma'ruf nahi munkar* ini melalui firmanNya:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُقْبِلُونَ

Maksudnya: "Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang ma'ruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan."⁴⁶

Selaras dengan konsep *amar ma'ruf nahi munkar* ini, suatu hak untuk bebas menyatakan suatu kemahuan hendaklah juga berlandaskan batasan nilai-nilai moral dan fitrah manusia serta tidak mengandungi kemungkaran. Kemungkaran boleh bermaksud sesuatu yang dilakukan bertentangan dengan hukum atau fitrah manusia. Secara tabi'ienya, manusia diciptakan berpasang-pasangan dan mampu untuk mengembangkan zuriat keturunannya. Suatu hubungan atau kelakuan manusia di luar tabi'ie yang melibatkan individu yang menghadapi krisis identiti atau orientasi seksual amat dilarang dalam Islam.

Islam menjamin hak manusia untuk mempunyai jalur keturunan yang jelas, hak perwalian dan hak perwarisan. Oleh itu, Islam melarang perbuatan *zina* dan liwat serta menetapkan hukuman ke atas pelakunya. Terdapat banyak ayat dalam Al-Quran yang menceritakan mengenai azab yang ditimpakan ke atas kaum Nabi Luth yang melakukan hubungan di luar

⁴⁶ Surat ali-Imran: ayat 104.

tabi'ie manusia. Perbuatan homoseksual ini disebutkan sebagai *fahisyah* dan pelakunya adalah orang yang melampaui batas. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

وَلَوْ طَآءَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: "Dan (Kami juga telah mengutus) Nabi Luth (kepada kaumnya). (Ingatlah) ketika dia berkata kepada kaumnya: "Mengapa kamu melakukan perbuatan yang keji yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam sebelum kamu?"⁴⁷

Dewasa ini, terdapat banyak pergerakan yang cuba untuk mendesak supaya golongan LGBT diberikan pengiktirafan dalam masyarakat. LGBT adalah merupakan singkatan bagi lesbian, gay, biseksual dan transeksual. Mereka ini merupakan golongan yang mempunyai perasaan dan kecenderungan seksual yang tidak menggambarkan penampilan mereka yang sebenar. Dalam erti kata lain, lesbian dan gay ialah golongan yang terlibat dengan hubungan sesama jenis, manakala biseksual ialah kecenderungan untuk melakukan hubungan intim bersama kedua-dua jantina dan transeksual pula ialah seseorang, sama ada lelaki atau perempuan, yang berperasaan dan berpenampilan sebagai orang yang bukan jantainya.

Pergerakan-pergerakan ini mendesak supaya golongan LGBT ini diberi hak sama rata seperti orang biasa, sehingga terdapat pihak yang mendesak supaya golongan ini diberikan hak untuk mendaftarkan perkahwinan sesama jantina secara sah. Mereka juga mendesak supaya tidak didiskriminasikan dan menuntut agar diberikan peluang sama rata dalam bidang pekerjaan mahupun pendidikan. Mereka juga menuntut agar kesalahan *liwat* atau kesalahan yang melibatkan hubungan sesama jenis dihapuskan.

Amat menghairankan juga dengan kepelbagaian tuntutan yang dibuat oleh manusia ini di mana perbuatan yang terang-terang bercanggah dengan norma-norma murni suatu masyarakat dituntut untuk bebas diamalkan. Pada masa yang sama, kriminalisasi kesalahan *zina* turut dikecam sebagai melanggar hak asasi manusia sedangkan masalah yang lebih besar akan timbul jika perbuatan seperti ini tidak dibendung selagi awal.

⁴⁷ Al-A'raaf: ayat 80.

Pelbagai jenis penyakit masyarakat boleh timbul jika manusia dibiarkan untuk menentukan hidupnya sesuai dengan keinginan nafsunya semata-mata.

Isu-isu gejala sosial seperti keruntuhan akhlak, pergaulan bebas, pelacuran, pembuangan anak luar nikah, penularan HIV dan Aids merupakan antara isu-isu yang dihadapi dalam masyarakat moden pada hari ini. Penyakit-penyakit sosial ini membawa kesan negatif kepada kemurnian budaya dan tamadun suatu masyarakat dan mencemari kemajuan suatu masyarakat. Masyarakat yang nampaknya berkembang pesat dari segi material hakikatnya semakin mundur dalam nilai-nilai moral dan ketuhanan.

8. Hak kepada keperluan asas.

Setiap manusia memerlukan keperluan asas untuk hidup dan menjalankan aktiviti kehidupan. Keperluan ini merangkumi hak kepada makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan kepada rawatan kesihatan. Masyarakat mempunyai hak untuk diberikan akses dan kemudahan bagi mendapatkan keperluan-keperluan asas ini melalui prasarana dan perancangan yang diaturkan oleh Pemerintah. Islam mensyariatkan zakat sebagai satu mekanisme untuk mengumpul dana dan membahagikan sumber kekayaan bagi keperluan segenap lapisan masyarakat. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

وَيَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقًّا لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ

Maksudnya: *"Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)."*⁴⁸

Melalui institusi zakat ini, hak-hak golongan yang kurang berkemampuan dapat dibela terutamanya dalam memenuhi keperluan asas kehidupan.

HAK ASASI MANUSIA DALAM KONTEKS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat menitikberatkan dan sentiasa peka dengan kepentingan serta kemaslahatan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Lantaran sikap

⁴⁸ Surah adz-Dzaariyaat: ayat 19.

pemedulian, prihatin dan kasih sayang Baginda yang berakar umbi, seluruh rakyat dan penduduknya telah menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera disepanjang pemerintahan Baginda. Pelbagai bentuk kemudahan dan keperluan rakyat telah disediakan sebagai memenuhi hak-hak mereka sebagai seorang manusia tanpa mengira lelaki atau wanita, kanak-kanak serta semua lapisan masyarakat sama ada dari sudut pendidikan, perkhidmatan kesihatan, peluang pekerjaan, tempat tinggal, keperluan asas dan banyak lagi.

Bagi memastikan tuntutan hak kanak-kanak dapat dipenuhi dan dilindungi, pelbagai keperluan dan kemudahan telah disediakan termasuk pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang diberikan secara percuma. *National Children Council* telah ditubuhkan pada 16 Januari 2001 bertujuan untuk mengatur dan menyelaraskan sebarang aktiviti bagi kanak-kanak dan juga memantau kemaslahatan dan perkembangan kanak-kanak tersebut. Beberapa undang-undang juga telah digubal dan dikuatkuasakan bagi memastikan hak asasi kanak-kanak sentiasa dilindungi daripada berbagai bentuk keganasan, penganiayaan dan eksploitasi seperti Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Penggagal 219), Kanun Kesiksaan Jenayah (Penggagal 22), Akta pekerjaan (Penggagal 93) dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Penggagal 217). Sebagai contoh, Akta Undang-undang Keluarga Islam, (Penggagal 217) memperuntukkan hak kanak-kanak terhadap nafkah dan penjagaan.

Di Negara Brunei Darussalam, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Penggagal 217) mengiftiraf hak seorang perempuan terhadap harta miliknya walaupun setelah melangsungkan perkahwinan. Di Brunei, konsep harta sepencarian adalah merupakan konsep adat yang telah diterjemahkan ke dalam undang-undang melalui Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Penggagal 217) yang memperuntukkan kuasa Mahkamah Syariah untuk membuat perintah bagi membahagikan kepada isteri atau suami, jika berlaku perceraian, untuk menerima bahagian masing-masing dalam pembahagian harta yang diperolehi bersama semasa tempoh perkahwinan. Selain itu, perbuatan menganiaya isteri dan gagal untuk memberikan keadilan yang sewajarnya kepada isteri oleh suami adalah menjadi kesalahan di bawah Akta tersebut.

Bagi menjaga kemaslahatan perempuan bukan Islam pula, Akta Perempuan-perempuan Berkahwin (Panggal 190) menggariskan hak-hak dan tanggungjawab suami dan isteri dalam menjaga masalah keluarga dan juga dalam memeduli dan membesarkan anak-anak mereka. Mereka masing-masing diberikan hak untuk berkecimpung dalam apa jua bentuk perniagaan dan pekerjaan serta aktiviti-aktiviti sosial. Perempuan berkahwin adalah berhak ke atas nafkah dan begitu juga dalam kapasiti berkaitan dengan harta, remedi-remedi, tindakan sivil dan juga perwakilan undang-undang. Beberapa undang-undang lain juga telah dikuatkuasakan di Negara ini yang bertujuan untuk melindungi kesejahteraan dan kehormatan semua wanita seperti Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Panggal 120) dan Akta Penjara (Panggal 51).

Dari sudut hak beragama, menurut artikel 3 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, Islam diisytiharkan sebagai Ugama Rasmi Negara Brunei Darussalam, akan tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya mengikut kepercayaan masing-masing

Peluang pekerjaan di Negara Brunei Darussalam adalah diberikan sama rata kepada rakyat tanpa mengira jantina. Dalam pendaftaran dan kemasukan wanita ke pengajian tinggi menurut Forum Ekonomi Sedunia (World Economic Forum) mengenai Jurang Gender Global (Global Gender Gap) telah melaporkan Negara Brunei Darussalam berada di kedudukan ke-7. Pemberian sama rata dalam peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di negara ini telah memberikan peluang kepada golongan wanita menceburi bidang-bidang profesional seperti perubatan, undang-undang dan bisnes serta kejuruteraan.

Rakyat Negara Brunei Darussalam juga diberikan hak sama rata dalam menikmati kemudahan dan perkhidmatan bagi pemedulian kesihatan termasuk pemberian vaksin yang hanya dikenakan bayaran yang minimal. Tujuannya tidak lain adalah untuk memastikan bahawa semua lapisan masyarakat, tanpa mengira pangkat dan kedudukan, mempunyai akses untuk mendapatkan rawatan dan pemeriksaan kesihatan yang optimum. Perkhidmatan kesihatan ini diperolehi dengan mudah oleh semua rakyat di seluruh Negara termasuk penyediaan perkhidmatan perubatan dengan menggunakan helikopter ke

tempat-tempat pendalaman. Dengan menyediakan kemudahan kesihatan yang terjangkau ini, masyarakat umumnya akan terjaga daripada penularan penyakit-penyakit berjangkit yang boleh mengancam kesejahteraan negara.

Objektif polisi pendidikan di Negara Brunei Darussalam ialah menyediakan akses yang menyeluruh terhadap pendidikan. Bagi mencapai objektif tersebut, semua peringkat pendidikan di sekolah-sekolah kerajaan diberikan secara percuma kepada semua rakyat. Ibubapa dan penjaga adalah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kelengkapan persekolahan dan menghantar anak-anak ke sekolah. Negara ini mewajibkan semua kanak-kanak yang berusia di antara umur 6 hingga 15 tahun untuk mendapatkan pendidikan secara formal di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kewajipan untuk melaksanakan hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan ini dikuatkuasakan secara perundangan melalui Akta Pendidikan Wajib (Penggagal 211) dan Akta Pendidikan Agama Wajib (Penggagal 215) yang memperuntukkan hukuman ke atas ibu, bapa atau penjaga yang melalaikan tanggungjawab mereka dalam memastikan anak-anak mendapat hak pendidikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di Pertuan Negara Brunei Darussalam begitu prihatin terhadap nasib seluruh rakyat dan penduduk di negara ini. Khususnya mereka yang tidak berkemampuan dan berkecukupan untuk menampung kehidupan diri dan tanggungan mereka. Melalui beberapa agensi kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti Baitul Mal, Majlis Ugama Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan sebagainya fakir miskin, ibu tunggal, warga emas, para balu, orang yang berpendapatan rendah atau kurang upaya diberikan pencen atau bantuan kebajikan dan seumpamanya dalam pelbagai bentuk termasuk wang ringgit, makanan asasi, tempat kediaman, bantuan persekolahan dan bantuan rawatan kesihatan.

Bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menyediakan rumah-rumah kediaman bagi rakyat yang tidak memiliki tanah, Jabatan Kemajuan Kebangsaan (National

Development Department) telah di tubuhkan pada tahun 1984 yang bertanggungjawab bagi menyediakan perumahan yang selamat, berkualiti dan mampu milik kepada penduduk-penduduk di negara ini.

Dalam rangka memberikan perlindungan ke atas penjagaan hak asasi manusia secara lebih komprehensif, satu undang-undang jenayah syariah diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam. Perintah Kanun Hukuman jenayah Syariah, 2013 yang memperuntukkan hukuman berbentuk *hadd*, *qisas* dan *ta'zir* telah diwartakan pada 22hb Oktober 2013.⁴⁹ Dengan perwartaan Perintah tersebut, Negara menanai tanggungjawabnya untuk memberikan perlindungan kepada kebajikan rakyat dan penduduknya. Memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

*"Dengan ini Alhamdulillah, pada perintah ini tanggungjawab kita di hadapan Allah telahpun tertunai... Tidak diragukan lagi, ia adalah sebahagian dari 'sejarah besar' kita dan Negara."*⁵⁰

Berikutan pelaksanaan undang-undang tersebut, Brunei berdepan dengan pelbagai kritikan antaranya yang melibatkan pelanggaran hak asasi manusia. Namun rakyat tetap teguh mendokong aspirasi Pemimpin Negara dalam memelihara syariat Islam dan mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja. Di samping itu, Brunei kekal komited dalam menjalin kerjasama dan hubungan harmoni di arena antarabangsa, sama ada dalam bidang politik, ekonomi atau sosial atas dasar hormat-menghormati dan persefahaman sejagat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah:

⁴⁹ Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 telah bermula fasa pertama pelaksanaannya pada 01hb Mei 2014.

⁵⁰ Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengisytiharkan perwartaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 bersempena dengan perasmian Majlis Ilmu pada 17hb Zulhijjah 1434H bersamaan 22hb Oktober, 2013M.

"Inilah Brunei kita, Negara Zikir Melayu Islam Beraja. Kita, adalah melihat kepada semua pihak dengan kaca mata yang bersih lagi putih, tanpa sebarang prejudis. Lalu kerana itu, kita pun juga adalah berhak pula untuk mengharapkan supaya orang lain juga, terhadap Brunei, akan melihat seperti itu."⁵¹

KESIMPULAN

Islam menjamin hak-hak setiap individu dalam menjalani kehidupan di bumi secara adil dan saksama. Manusia bebas untuk menggunakan hak-hak yang dianugerahkan kepadanya bagi mengembangkan kesejahteraan sesama manusia dengan syarat tidak melanggar lunas-lunas yang ditetapkan oleh syara'. Kebebasan ini tidaklah bersifat mutlak dan haruslah diseimbangkan dengan penyempurnaan tanggungjawab masing-masing di samping menghormati hak-hak setiap individu dalam masyarakat. Keseimbangan di antara hak dan tanggungjawab ini amat dititikberatkan bagi memastikan manusia tidak melampaui batas dalam mengejar kepentingan peribadi.

Dalam meniti era kemodenan, umat Islam kerap berdepan dengan cabaran-cabaran semasa yang banyak dipengaruhi oleh anasir-anasir dan pemikiran yang dibawa dari Barat. Dikhuatiri fahaman-fahaman Barat ini akan menyerap dan meracuni pemikiran umat Islam, terutamanya di kalangan golongan belia, sehingga meringan-ringankan tuntutan agama dengan berselindung di sebalik alasan perjuangan menuntut kebebasan.

Justeru, dalam memahami hakikat hak asasi manusia yang sebenar, umat Islam hendaklah berpegang teguh dengan nilai-nilai dan identiti kita sebagai orang Islam. Selaras dengan kedudukan Islam sebagai cara yang hidup yang *syumul*, kita bertanggungjawab untuk mengangkat dan mengaplikasikan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan melalui

⁵¹ *Ibid.*

penghayatan ke atas prinsip-prinsip syariah seperti masalah umum, kesaksamaan, keadilan, *amar ma'ruf nahi munkar* dan sebagainya.

Masyarakat Islam wajar melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu dan kemahiran yang betul melalui sumber yang dipercayai bagi menangkis pelbagai doktrin baru yang dipromosikan oleh Barat. Dalam keghairahan memperjuangkan hak asasi manusia, perlu dipastikan bahawa hak yang diperjuangkan tersebut hendaklah bebas dari unsur-unsur yang dilarang oleh agama dan pergerakan tersebut hendaklah dikendalikan berdasarkan agenda dan menurut saluran yang bebas dari sebarang elemen atau tujuan yang membelakangkan agama.